



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM REZEKI TANI NEGERI JOHOR : DOF GIAT BANTU 10 PESERTA

1. Program Rezeki Tani merupakan sebuah program anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) bertujuan membantu peserta **keluar dari tahap kemiskinan** dan **meningkatkan pendapatan** melalui projek-projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran, pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan, di samping **mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui latihan**.
2. Pada tahun ini, Jabatan Perikanan (DOF) telah memilih seramai 50 orang peserta di bawah Program Rezeki Tani di Semenanjung Malaysia dan seramai **10 orang peserta adalah dari Negeri Johor yang mana 3 darinya adalah di Tanjung Piai**.
3. Penerima bantuan pada hari ini ialah **Encik Hairul bin Hamidun** yang menjalankan beberapa pekerjaan seperti mengambil upah memasang komponen barang dari kilang, membersihkan kawasan kebun, memberi perkhidmatan menghantar barang dan turut bekerja sebagai buruh kasar bagi menampung keperluan keluarga. Pendapatan bulanan beliau adalah sekitar **RM600.00 sebulan** dan mempunyai tanggungan seramai 6 orang.
4. Pihak MOA dengan berbesar hati menyampaikan bantuan kepada beliau sejajar dengan objektif iaitu membantu meningkatkan pendapatan peserta. **Bantuan yang diterima oleh beliau adalah bantuan perniagaan tani yang berupa mesin tebu, kuali, dapur dan balang air**.
5. **Terdahulu, pada 20 Oktober 2019**, YB Datuk Seri Salahuddin bin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah meluangkan masa dan menyampaikan sumbangan kepada peserta Rezeki Tani di Tanjung Piai iaitu **Puan Suriyati binti Moh** yang merupakan seorang peniaga kuih kecil-kecilan yang mempunyai pendapatan tetap sebanyak RM800.00 sebulan. Beliau telah menerima bantuan berupa peralatan niaga termasuk satu set kanopi.
6. Pihak MOA mensasarkan seramai 1,000 peserta baharu untuk menerima manfaat melalui pelaksanaan program ini bagi tempoh 2 tahun bermula dari tahun 2019 sehingga 2020.

7. Kumpulan sasar terdiri daripada golongan miskin serta isi rumah yang berpendapatan tidak melebihi RM2,614 atau pendapatan per kapita tidak melebihi RM650.
8. Keutamaan bantuan diberi kepada calon peserta yang berpengalaman, berkemahiran dan sedang menjalankan aktiviti berkaitan pertanian, penternakan, perikanan, pemprosesan produk berasaskan pertanian dan perniagaan tani.
9. Projek-projek ekonomi yang dilaksana akan memberi tumpuan kepada jenis-jenis projek yang mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek (*Quick Win Project*) iaitu di antara tempoh 3 hingga 6 bulan pelaksanaannya. Ini bermaksud projek yang dijalankan seharusnya berpotensi memberi pulangan positif kepada peserta. Selain itu produk atau perkhidmatan yang ditawarkan seharusnya bersifat mudah untuk dipasarkan, berdaya maju (*viable*), berdaya tahan (*sustainable*) serta mengikut kesesuaian persekitaran dan tempat.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

28 Oktober 2019 (Isnin) jam 8.30 pagi

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

019-276 2328 (Kasim)

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my